

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB. HAJAH ZURAI DAH BINTI KAMARUDIN

TARIKH: 9 APRIL 2014

SOALAN:

Puan Hajah Zuraidah binti Kamarudin [Ampang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah statistik wanita tanpa kerja pada setakat ini. Adakah program kerja separuh masa mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat khususnya wanita.

PR-1321-L61239

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia, mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, sehingga Disember 2013, seramai lebih kurang 200,000 iaitu 1.42% wanita tidak bekerja berada di dalam tenaga keseluruhan buruh yang berjumlah lebih kurang 14.08 juta orang.
2. Manakala penyertaan wanita dalam program separa masa pula, sehingga Disember 2013 seramai 7,519 wanita samada

golongan siswazah dan bukan siswazah telah berjaya ditempatkan ke alam pekerjaan. Jumlah ini adalah 44.7% daripada keseluruhan penempatan di bawah program ini iaitu sebanyak 16,821 penempatan. Program penempatan separa masa ini penyumbang ke 10 terbanyak iaitu 7.3% daripada jumlah keseluruhan penempatan bagi tahun 2013. Penempatan penempatan tahun 2013 adalah sebanyak 230,099 dalam berbagai bidang.

2. Kementerian Sumber Manusia (KSM) dari masa kesemasa komited untuk meningkatkan lagi penempatan pekerjaan kepada pencari-pencari kerja amnya dan kepada golongan wanita khususnya melalui program-program yang telah dirancang.